

Pelbagaikan pelaburan — PM

27 NOV 1993

KUALA LUMPUR 26 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pelabur-pelabur Jepun supaya mempelbagaikan aktiviti mereka dalam bidang barangan baru yang mempunyai kejuruteraan tinggi.

Beliau berkata, pelabur-pelabur berkenaan yang dahulunya menumpukan perhatian pada sektor elektronik dan peralatan rumah, seharusnya mengubah haluan kepada keluaran seperti peralatan mesin dan barangan.

Dr. Mahathir yang menjangka barangan tersebut akan mendapat sambutan yang menggalakkan di negara ini berkata, langkah tersebut juga penting kerana para pekerja di negara ini mudah memperoleh kemahiran.

Selain itu kata beliau, barangan tersebut hanya memerlukan sedikit sahaja tenaga buruh.

“Dengan sedikit latihan dalaman, pekerja-pekerja Malaysia akan memperoleh kemahiran yang diperlukan.

“Walaupun gaji mereka lebih tinggi daripada pekerja-pekerja kurang mahir dalam industri berorientasikan buruh, kos tersebut adalah lebih rendah daripada gaji pekerja di Jepun,” kata beliau ketika berucap di majlis

makan malam sempena ulang tahun ke-10 Dewan Perdagangan dan Industri Jepun, Malaysia (JACTIM) di sini, malam ini.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan akan mengendalikan segala program latihan yang dirasakan perlu untuk memberikan latihan kepada pekerja-pekerja sektor industri di negara ini.

“Sehubungan itu, dasar pendidikan dan Akta Pendidikan perlu dipinda.

“Sebagaimana pada masa-masa lalu, kerajaan akan bertindak segera dan secara positif terhadap keperluan yang sering berubah terhadap perindustrian dan ekonomi Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, peluang adalah baik buat kali kedua bagi penempatan semula perindustrian Jepun di Malaysia ekoran peningkatan dalam nilai mata wang yen baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, JACTIM telah menyampaikan sumbangan derma sebanyak RM100,000 kepada Yang Dipertua BAKTI, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.